

KURIKULUM SEJARAH SEKOLAH MENENGAH RENDAH (KBSM) :
SATU KAJIAN TERHADAP PEMIKIRAN GURU
MENGENAI PERNYATAAN HASRAT
DAN PELAKSANAANNYA

Oleh

TAN AI HOON

**Tesis yang diserahkan untuk memenuhi
keperluan bagi Ijazah Sarjana Pendidikan**

Mei 1997

PENGHARGAAN

Saya bersyukur kepada Tuhan Yang Maha Kuasa kerana dengan iringan berkat karuniaNya saya telah dapat menyempurnakan penulisan thesis ini. Puji Tuhan.

Saya ingin merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada sepuluh orang guru yang telah membenarkan saya menjadi *pemerhati* di dalam bilik darjah mereka. Tanpa keyakinan, keikhlasan, sokongan dan persahabatan mereka, saya tidak akan berupaya menyelami pemikiran mereka dan memperolehi data yang begitu kaya semasa kerja lapangan saya.

Terima kasih saya juga ditujukan kepada semua pihak pentadbir, guru-guru dan pelajar-pelajar di sekolah-sekolah kajian atas kerjasama dan kesediaan mereka meluangkan masa mengisi borang soal selidik.

Saya juga terhutang budi kepada pihak biasiswa, Kementerian Pendidikan Malaysia kerana telah membiayai pengajian dan penyelidikan ini. Peluang untuk menjalani *pengembaraan* sebagai penyelidik ini amat saya hargai. Ia bukan hanya telah memperkayakan saya dengan ilmu pengetahuan tetapi dengan pengalaman yang telah mematangkan pemikiran saya mengenai kenyataan hidup terutamanya sebagai seorang pendidik.

Dalam mengharungi pengembaraan yang penuh cabaran ini, saya ingin meluahkan penghargaan saya yang tidak terhingga kepada penyelia saya, Profesor Madya Dr. Haris Md. Jadi untuk nasihat, dorongan, semangat dan tunjuk ajar beliau yang penuh dedikasi. Didikan dan panduan beliau telah menyebabkan pengembaraan penyelidikan ini satu proses pencarian ilmu yang begitu menyeronokkan dan akan dikenang selama-lamanya.

Saya juga ingin melahirkan rasa terima kasih kepada pensyarah-pensyarah lain di Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan serta rakan-rakan seperjuangan khususnya Puan Norijah dan Cik Ong Ching Sim yang seringkali memberi dorongan dan kekuatan kepada saya terutamanya ketika saya menghadapi pengembaraan yang *bergelora* dan rumit.

Akhir kata, kepada ibu bapa dan keluarga, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih atas kasih sayang, dorongan dan pengorbanan kalian. Kesemua ini telah membantu saya menghadapi pengembaraan ini dengan penuh ketabahan dan kecekalan hati. Terima kasih kerana menjadi sumber inspirasi saya dalam mengecapi impian hidup saya.

JADUAL KANDUNGAN

	Muka Surat
Penghargaan	ii
Senarai Jadual	ix
Abstrak	xi
Abstract	xii
BAB 1	Pengenalan
1.1	Latar Belakang 1
	1.1.1 Cabaran Dan Perubahan Dalam Pendidikan Malaysia 3
	1.1.2 Pengertian Sejarah 10
	1.1.3 Kepentingan Pendidikan Sejarah 11
	1.1.4 Perkembangan Pendidikan Sejarah Di Malaysia 15
	1.1.5 Peranan Pendidikan Sejarah Di Dalam Rancangan Pendidikan Negara 21
	1.1.6 Kedudukan Pendidikan Sejarah Dalam Kurikulum Sekolah 22
	1.1.7 Di Antara Hasrat Dan Realiti 23
1.2	Pernyataan Masalah 27
1.3	Tujuan Kajian 30
1.4	Persoalan Kajian 31
1.5	Kepentingan Kajian 32
1.6	Perspektif Teori 33
	1.6.1 Jenis-Jenis Kurikulum 33
	1.6.2 Pemikiran Guru 39
	1.6.3 Pengenalan Terhadap Pemikiran Guru , Pengetahuan Dan Kepercayaan 41
	1.6.4 Pengetahuan Kraf Profesional Guru 43
	1.6.5 Pelaksanaan Kurikulum 47
1.7	Model Kerangka Teori 49
1.8	Batasan Kajian 59
1.9	Definisi Istilah 61
BAB 2	Tinjauan Bacaan
2.1	Pengenalan 63
2.2	Konsep Kurikulum 64
	2.2.1 Kurikulum Yang Dihasratkan 69
	2.2.2 Kurikulum Tersirat 71
2.3	Matlamat Dan Objektif Dalam Pengajaran Sejarah 73
	2.3.1 Kepentingannya 73
	2.3.2 Objektif Dan Pengajaran Sejarah 73
	2.3.3 Pendidikan Kewarganegaraan 77
2.4	Kajian-Kajian Pelaksanaan Pendidikan Kewarganegaraan 80
2.5	Kajian-Kajian Pengajaran-Pembelajaran Sejarah Di Luar Negara 81
2.6	Kajian-Kajian Pengajaran-Pembelajaran Sejarah Di Malaysia 83

2.7	Kajian Pelaksanaan Kurikulum	89
	2.7.1 Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Pelaksanaan	91
2.8	Guru Dan Perubahan	94
2.9	Pemikiran Guru	104
2.10	Kajian-Kajian Pemikiran Guru	107
2.11	Ciri-Ciri Penting Yang Diperolehi Dari Kajian Pemikiran	120
	2.11.1 Perkembangan Profesionalisme Guru	120
	2.11.2 Pengetahuan Profesional Guru	124
	2.11.3 Pengetahuan Peribadi Guru	126
	2.11.4 Kepercayaan, Nilai Dan Sikap	129
2.12	Rumusan	133
BAB 3	METODOLOGI	
3.1	Pengenalan	134
3.2	Reka Bentuk Kajian	134
3.3	Sampel Kajian	137
3.4	Instrumen Penyelidikan	138
	3.4.1 Soal Selidik Guru	138
	3.4.2 Kesahan Dan Kebolehpercayaan Soal Selidik Guru	143
	3.4.3 Soal Selidik Pelajar	143
	3.4.4 Pemerhatian	144
	3.4.5 Temubual	146
	3.4.6 Dokumen-Dokumen	148
3.5	Pengesahan Alat Ukur	149
3.6	Kajian Rintis	150
3.7	Pengumpulan Data	151
3.8	Prosedur	151
3.9	Analisis Data	153
BAB 4	ANALISIS DATA	
4.0	Pengenalan : Analisis Data Kuantitatif	154
4.1	Latar Belakang Responden	154
4.2	Kepentingan Pernyataan Hasrat Pendidikan Sejarah	157
4.2.1	Pernyataan Hasrat Pendidikan Sejarah	157
4.3	Sikap Guru Terhadap Pernyataan Hasrat	162
4.4	Kepercayaan Dan Sikap Guru Terhadap Pengajaran-Pembelajaran Berfokuskan Pelajar Serta Perubahan	165
4.5	Kepercayaan Guru Mengenai Pendidikan	167
4.6	Kepercayaan <i>Self-Efficacy</i> Guru	170
4.7	Penilaian Pelaksanaan Kurikulum Sejarah	174
4.8	Kekangan Guru Sejarah	178
4.8.1	Kekuatan Kekangan	179
4.9	Keadaan Yang Menggalakkan Guru Dalam Pelaksanaan Kurikulum Sejarah	182
4.10	Pengenalan: Analisis Data Kualitatif	187
4.11	Kes Masdiana	188
4.11.1	Pemikiran Masdiana Mengenai Sejarah	188
4.11.2	Pemikiran Masdiana Mengenai Pengajaran Sejarah	189
4.11.3	Pemikiran Masdiana Mengenai Pelajar Dan Pembelajaran	192
4.11.4	Pemikiran Masdiana Mengenai Konteks Institusi	194
4.11.5	Pemikiran Masdiana Mengenai Pendidikan	195

4.11.6	Pemerhatian: Kelas Masdiana (2K2)	195
4.11.7	Sejauh Manakah Kepercayaan, Nilai Dan Sikap Masdiana Mempengaruhi Pelaksanaan Kurikulum Sejarah?	199
4.11.8	Sejauh Manakah Pengetahuan Kraf Profesional Masdiana Mempengaruhi Pelaksanaan Kurikulum Sejarah?	201
4.11.9	Kurikulum Yang Diterima Oleh Pelajar (2K2)	204
4.11.10	Sejauh Manakah Pernyataan Hasrat Mempengaruhi Pelaksanaan Kurikulum Sejarah Masdiana Di Dalam Bilik Darjah?	209
4.12	Kes Nadia	214
4.12.1	Pemikiran Nadia Mengenai Sejarah	215
4.12.2	Pemikiran Nadia Mengenai Pengajaran Sejarah	216
4.12.3	Pemikiran Nadia Mengenai Pelajar Dan Pembelajaran	220
4.12.4	Pemikiran Nadia Mengenai Konteks Institusi	224
4.12.5	Pemikiran Nadia Mengenai Pendidikan	225
4.12.6	Pemerhatian: Kelas Nadia (2P3)	226
4.12.7	Sejauh Manakah Kepercayaan, Nilai Dan Sikap Nadia Mempengaruhi Pelaksanaan Kurikulum Sejarah?	234
4.12.8	Sejauh Manakah Pengetahuan Kraf Profesional Nadia Mempengaruhi Pelaksanaan Kurikulum Sejarah?	237
4.12.9	Kurikulum Yang Diterima Oleh Pelajar (2P3)	240
4.12.10	Sejauh Manakah Pernyataan Hasrat Mempengaruhi Pelaksanaan Kurikulum Sejarah Nadia Di Dalam Bilik Darjah?	245
4.13	Kes Julia	252
4.13.1	Sejauh Manakah Kepercayaan, Nilai Dan Sikap Julia Mempengaruhi Pelaksanaan Kurikulum Sejarah?	252
4.13.2	Sejauh Manakah Pengetahuan Kraf Profesional Julia Mempengaruhi Pelaksanaan Kurikulum Sejarah?	257
4.13.3	Kurikulum Yang Diterima Oleh Pelajar (2S4)	259
4.13.4	Sejauh Manakah Pernyataan Hasrat Mempengaruhi Pelaksanaan Kurikulum Sejarah Julia Di Dalam Bilik Darjah?	262
4.14	Kes Ramona	271
4.14.1	Sejauh Manakah Kepercayaan, Nilai Dan Sikap Ramona Mempengaruhi Pelaksanaan Kurikulum Sejarah?	271
4.14.2	Sejauh Manakah Pengetahuan Kraf Profesional Ramona Mempengaruhi Pelaksanaan Kurikulum Sejarah?	274
4.14.3	Kurikulum Yang Diterima Oleh Pelajar (2M)	277
4.14.4	Sejauh Manakah Pernyataan Hasrat Mempengaruhi Pelaksanaan Kurikulum Sejarah Ramona Di Dalam Bilik Darjah?	278
4.15	Kes Eleena	284
4.15.1	Sejauh Manakah Kepercayaan, Nilai Dan Sikap Eleena Mempengaruhi Pelaksanaan Kurikulum Sejarah?	284
4.15.2	Sejauh Manakah Pengetahuan Kraf Profesional Eleena Mempengaruhi Pelaksanaan Kurikulum Sejarah?	288
4.15.3	Kurikulum Yang Diterima Oleh Pelajar (2B3)	291
4.15.4	Sejauh Manakah Pernyataan Hasrat Mempengaruhi Pelaksanaan Kurikulum Sejarah Eleena Di Dalam Bilik Darjah?	294

4.16	Kes Salina	300
4.16.1	Sejauh Manakah Kepercayaan, Nilai Dan Sikap Salina Mempengaruhi Pelaksanaan Kurikulum Sejarah?	300
4.16.2	Sejauh Manakah Pengetahuan Kraf Profesional Salina Mempengaruhi Pelaksanaan Kurikulum Sejarah?	303
4.16.3	Kurikulum Yang Diterima Oleh Pelajar (2SA2)	306
4.16.4	Sejauh Manakah Pernyataan Hasrat Mempengaruhi Pelaksanaan Kurikulum Sejarah Salina Di Dalam Bilik Darjah?	309
4.17	Kes Irwan	316
4.17.1	Sejauh Manakah Kepercayaan, Nilai Dan Sikap Irwan Mempengaruhi Pelaksanaan Kurikulum Sejarah?	316
4.17.2	Sejauh Manakah Pengetahuan Kraf Profesional Irwan Mempengaruhi Pelaksanaan Kurikulum Sejarah?	319
4.17.3	Kurikulum Yang Diterima Oleh Pelajar (2A)	322
4.17.4	Sejauh Manakah Pernyataan Hasrat Mempengaruhi Pelaksanaan Kurikulum Sejarah Irwan Di Dalam Bilik Darjah?	325
4.18	Kes Norvina	333
4.18.1	Sejauh Manakah Kepercayaan, Nilai Dan Sikap Norvina Mempengaruhi Pelaksanaan Kurikulum Sejarah?	333
4.18.2	Sejauh Manakah Pengetahuan Kraf Profesional Norvina Mempengaruhi Pelaksanaan Kurikulum Sejarah?	336
4.18.3	Kurikulum Yang Diterima Oleh Pelajar (2G)	339
4.18.4	Sejauh Manakah Pernyataan Hasrat Mempengaruhi Pelaksanaan Kurikulum Sejarah Norvina Di Dalam Bilik Darjah?	342
4.19	Kes Syahmin	352
4.19.1	Sejauh Manakah Kepercayaan, Nilai Dan Sikap Syahmin Mempengaruhi Pelaksanaan Kurikulum Sejarah?	352
4.19.2	Sejauh Manakah Pengetahuan Kraf Profesional Syahmin Mempengaruhi Pelaksanaan Kurikulum Sejarah?	356
4.19.3	Kurikulum Yang Diterima Oleh Pelajar (2A3)	359
4.19.4	Sejauh Manakah Pernyataan Hasrat Mempengaruhi Pelaksanaan Kurikulum Sejarah Syahmin Di Dalam Bilik Darjah?	362
4.20	Kes Sheikh	371
4.20.1	Sejauh Manakah Kepercayaan, Nilai Dan Sikap Sheikh Mempengaruhi Pelaksanaan Kurikulum Sejarah?	371
4.20.2	Sejauh Manakah Pengetahuan Kraf Profesional Sheikh Mempengaruhi Pelaksanaan Kurikulum Sejarah?	374
4.20.3	Kurikulum Yang Diterima Oleh Pelajar (2A2)	376
4.20.4	Sejauh Manakah Pernyataan Hasrat Mempengaruhi Pelaksanaan Kurikulum Sejarah Sheikh Di Dalam Bilik Darjah?	380
BAB 5	RUMUSAN DAN IMPLIKASI	
5.1	Objektif Pendidikan Sejarah Sekolah Menengah Rendah	384
5.2	Ringkasan Dapatan Kuantitatif	385
5.3	Tema-Tema Yang Diperolehi Dari Data Temubual	389
5.3.1	Penentu Kurikulum : Peperiksaan (The Backwash Effect)	389
5.3.2	Proses Pengajaran Dan Pembelajaran Yang Terarah: Guru Sebagai Penyampai Maklumat	390

5.3.3	Pemecahan Pembelajaran	391
5.4	Amalan Guru: Realiti Pelaksanaan Kurikulum Sejarah	392
5.5	Di Manakah Pertembungan Di Antara Pernyataan Hasrat Dan Kurikulum Yang Beroperasi?	392
5.6	Realiti Bilik Darjah: Jurang Di Antara Pernyataan Hasrat Dan Pelaksanaan	394
5.6.1	Kelemahan Tradisional	394
5.6.2	Kekangan Yang Menghalang Guru Untuk Melakukan Pengajaran Yang Berlainan	396
5.6.3	Kekurangan Refleksi Kritikal Terhadap Proses Pengajaran Dan Pembelajaran	397
5.6.4	Kelemahan Mengintegrasikan Kurikulum Formal Dan Kurikulum Tersirat	398
5.7	Rumusan Kajian	399
5.8	Implikasi Kajian	401
5.9	Cadangan-Cadangan	403
5.9.1	Profesionalisme Dan Pendidikan Guru: Latihan Pra-Perkhidmatan	403
5.9.2	Latihan-Dalam-Perkhidmatan	405
5.9.3	Mengubah Sikap Guru: Penyebaran Maklumat Yang Berkesan	407
5.9.4	Menganjurkan Amalan Reflektif	408
5.10	Cadangan Kajian Lanjutan	409

BIBLIOGRAFI

411

LAMPIRAN

A	Soal Selidik Guru
B	Soal Selidik Pelajar
C	Rajah Struktur Aktiviti Pelajaran (Burns & Anderson, 1987) Rajah Kerangka Pengetahuan Praktikal Peribadi Guru (Oberg, 1986)
D	Surat-surat Kebenaran

SENARAI JADUAL

JADUAL		Muka Surat
4.1	Taburan Ke kerap an Ciri-Ciri Latar Belakang Responden	156
4.2	Taburan Ke kerap an, Peratusan, Sisihan Lazim Dan Pemingkatan Kepentingan 5 Pernyataan Hasrat Pendidikan Sejarah	158
4.3	Jumlah Guru Sejarah Yang Memeringkatkan 3 Pernyataan Dari 5 Pernyataan Hasrat Yang Telah Dipilih Pada Peringkat Awal. (N=39)	162
4.4	Soal Selidik Kepercayaan Dan Sikap Guru Terhadap Pendidikan Sejarah (N=39)	172
4.5	Taburan Ke kerap an Dan Peratusan Penilaian Pelaksanaan Kurikulum Sejarah	177
4.6	Taburan Ke kerap an Dan Peratusan Kekangan Guru Sejarah Dalam Pelaksanaan Kurikulum Sejarah	180
4.7	Min Keseluruhan 5 Kategori Kekangan Guru Sejarah	181
4.8	Taburan Ke kerap an Dan Peratusan Keadaan Yang Menggalakkan Guru Dalam Pelaksanaan Kurikulum Sejarah	186
4.9	Taburan Ke kerap an Dan Peratusan Pendapat Pelajar 2K2 Mengenai Pelajaran Sejarah (N=40)	205
4.10	Taburan Ke kerap an Dan Peratusan Pendapat Pelajar 2P3 Mengenai Pelajaran Sejarah (N=40)	243
4.11	Unit Pemetaan Pemikiran Julia Mengikut Kategori	250
4.12	Taburan Ke kerap an Dan Peratusan Pendapat Pelajar 2S4 Mengenai Pelajaran Sejarah (N=37)	261
4.13	Unit Pemetaan Pemikiran Ramona Mengikut Kategori	269
4.14	Taburan Ke kerap an Dan Peratusan Pendapat Pelajar 2M Mengenai Pelajaran Sejarah (N=36)	276
4.15	Unit Pemetaan Pemikiran Eleena Mengikut Kategori	282
4.16	Taburan Ke kerap an Dan Peratusan Pendapat Pelajar 2B3 Mengenai Pelajaran Sejarah (N=40)	293
4.17	Unit Pemetaan Pemikiran Salina Mengikut Kategori	299
4.18	Taburan Ke kerap an Dan Peratusan Pendapat Pelajar 2SA2 Mengenai Pelajaran Sejarah (N=38)	307
4.19	Unit Pemetaan Pemikiran Irwan Mengikut Kategori	314
4.20	Taburan Ke kerap an Dan Peratusan Pendapat Pelajar 2A Mengenai Pelajaran Sejarah (N=36)	324
4.21	Unit Pemetaan Pemikiran Norvina Mengikut Kategori	331
4.22	Taburan Ke kerap an Dan Peratusan Pendapat Pelajar 2G Mengenai Pelajaran Sejarah (N=37)	340
4.23	Unit Pemetaan Pemikiran Syahmin Mengikut Kategori	348
4.24	Taburan Ke kerap an Dan Peratusan Pendapat Pelajar 2A3 Mengenai Pelajaran Sejarah (N=40)	360
4.25	Unit Pemetaan Pemikiran Sheikh Mengikut Kategori	368
4.26	Taburan Ke kerap an Dan Peratusan Pendapat Pelajar 2A2 Mengenai Pelajaran Sejarah (N=38)	377

SENARAI JADUAL

RAJAH	Muka Surat
1	Jenis-Jenis Kurikulum (Raynor, 1972) 35
2	Model Pemikiran Dan Tingkah Laku Guru (Clark & Peterson, 1986) 41
3	Model-In-Action (John, 1991) 46
4	Model Kerangka Teori 49

ABSTRAK

Kajian ini dikendalikan dalam konteks inkuiri yang lebih luas mengenai pernyataan hasrat kurikulum sejarah. Ia bertujuan untuk memahami pernyataan hasrat yang menentukan corak keseluruhan kurikulum yakni justifikasi terhadap apa yang sebenarnya diajar di dalam bilik darjah. Di antara hasrat dan amalan, terdapatnya satu ruang yang luas untuk guru membuat keputusan dan pemilihan. Oleh itu, adalah diandaikan bahawa pemikiran guru dan kekangan beroperasi dalam ruang lingkup ini. Justeru itu, kajian ini bertujuan memahami sejauh mana pemikiran guru yang meliputi pernyataan hasrat, ideologi dan pengetahuan kraf profesional guru mempengaruhi pelaksanaan kurikulum sejarah di dalam bilik darjah. Dalam pada itu, fokus kajian adalah untuk memahami bagaimana guru sejarah mengubah kurikulum yang dihasratkan kepada kurikulum yang beroperasi. Ini akan menggambarkan realiti pelaksanaan kurikulum sejarah di dalam bilik darjah. Di samping itu, kekangan yang dihadapi oleh guru-guru sejarah juga dipertimbangkan bagi memahami faktor-faktor yang mungkin menghalang usaha guru melaksanakan inovasi dalam kurikulum sejarah.

Lima buah sekolah di daerah Larut, Matang dan Selama telah dipilih berdasarkan "*opportunity sampling*" untuk dikaji. Sejumlah 39 orang guru sejarah yang mengajar peringkat menengah rendah telah memenuhi soal selidik yang mempunyai enam bahagian. Kemudiannya, 10 orang guru sejarah yang mengajar Tingkatan Dua telah dipilih untuk ditemubual serta dibuat pemerhatian. Data yang diperolehi telah dianalisis berdasarkan 5 elemen kebiasaan pengajaran iaitu berhubung dengan kandungan pelajaran sejarah, aspek pedagogi, pembelajaran, konteks institusi dan pendidikan secara umumnya. Dapatan kajian telah memperlihatkan bahawa ideologi, pengetahuan kraf profesional guru serta hasrat peribadi guru mempengaruhi pelaksanaan kurikulum sejarah di dalam bilik darjah. Di samping itu, kajian juga telah menunjukkan bahawa terdapatnya jurang yang agak luas di antara kurikulum yang dihasratkan dengan yang beroperasi. Lantaran itu, adalah diusulkan bahawa kajian lanjutan mengenai pelaksanaan dan perkembangan kurikulum mempertimbangkan aspek pemikiran guru bagi memastikan sukatan pelajaran dan inovasi kurikulum dilaksanakan dengan lebih setia dan berkesan.

THE LOWER SECONDARY SCHOOL HISTORY CURRICULUM (ICSS) : A STUDY OF
TEACHERS' THINKING ON THE STATEMENTS OF INTENT AND THEIR
IMPLEMENTATION

ABSTRACT

This study is undertaken within the broader context of an inquiry into the aims of the history curriculum : into those general statements of intent which govern the overall pattern of the curriculum and which provide justification for what actually is taught in the classroom. Between intention and action, there exists a large area of decision and choice, and it is within this area that teachers' thinking and constraints may be assumed to operate. Therefore, this study seeks to examine how teachers' thinking, encompassing the statements of intent, ideology and professional craft knowledge, influences their classroom practices. Herein, the focus of the study is to understand how history teachers translate the intended curriculum into an operational curriculum that reflects the reality of the classroom. Hence, to understand this reality, the constraints of the history teachers are also considered in this study.

This study to be reported here is limited to a sample of five schools in the district of Larut, Matang and Selama. A total of 39 history teachers teaching in the lower secondary completed a six-part questionnaire. Thereafter, 10 Form Two history teachers were selected for interviews and class observations for the qualitative part of the study. The data was analysed in terms of five elements of commonalities, namely the subject matter (history), pedagogical aspect, learning, the institutional context and education in general. It was found that the respondents' ideologies, professional craft knowledge and personal intentions have an influence in shaping their classroom practices. The findings also showed that the gap between intent and practice is wide. Henceforth, it is proposed that further studies on implementation and curriculum development should take into account teachers' thinking to ensure that school syllabuses and curriculum innovations do not ossify.

BAB SATU

Pengenalan

1.1 Latar belakang

Dalam arus pemodenan dan perkembangan teknologi yang begitu deras, kita haruslah memandang ke hadapan dan melihat apakah realiti sosial, politik dan ekonomi yang akan kita hadapi menjelang abad ke-21. Tidak boleh dinafikan lagi, kita akan berdepan dengan berbagai-bagai gejala sosial yang mungkin akan memusnahkan segala apa yang telah kita bina. Misalnya, peperangan telah dianggarkan tercetus sebanyak 14 500 kali di dunia ini dalam tempoh 5000 tahun dan mengorbankan nyawa 4 billion orang (Malkova,1981). Peperangan ini juga telah memusnahkan budaya, seni dan ciri kemanusiaan .

Dewasa ini, media massa di negara kita telah banyak memaparkan kesan-kesan negatif keretakan dan keruntuhan moral masyarakat. Pergaulan muda-mudi yang terlalu bebas dan di luar kawalan, penderaan kanak-kanak, pembuangan bayi, pelacuran muda-mudi (bohjan dan bohsia) dan AIDS adalah di antara yang hangat diperbincangkan. Perangkaan yang dipaparkan oleh Kementerian Belia dan Sukan Malaysia baru-baru ini mengenai pembabitan generasi muda dalam gejala yang sangat merbahaya seperti penyalahgunaan dadah, HIV dan AIDS, jenayah keganasan sehingga amalan biasa seperti kebosanan, amat memeranjatkan. Laporan telah menyatakan bahawa dari tahun 1990 hingga 1993, terdapat sejumlah 73 670 penagih dadah telah dikesan , 46 kes membunuh, 111 kes merogol dan 468 kes mencedera di kalangan generasi muda (Kementerian Belia dan Sukan Malaysia, tidak bertarikh). Laporan ini juga melahirkan rasa bimbang terhadap tingkah laku melepak yang mendedahkan golongan remaja kepada perkara-perkara devian seperti membaca dan menonton bahan lucah (40% responden), melakukan hubungan seks sebelum kahwin (18%),

merokok (70%) dan mengambil dadah (14%). Gejala-gejala ini perlulah ditangani dengan segera atau kita akan menghadapi masalah-masalah serius kelak.

Satu cara menghadapi cabaran-cabaran yang hebat ini adalah melalui pendidikan. Hamdan Sheikh Tahir (1975:83) dalam tulisannya "*Pendidikan Hari Ini Untuk Hari Esok*" menyatakan bahawa ,

"dunia hari ini mengharapkan sekolah dan guru berusaha mencapai berbagai-bagai matlamat dan tujuan dengan mencari perimbangan dalam tujuan dan tugas supaya murid-murid mempunyai daya imbalan yang positif untuk berhadapan dengan masalah hidup di dalam zaman yang serba bergolak di samping memberi sumbangan yang berfaedah kepada masyarakat dan negara."

Ini menunjukkan pendidikan sebagai "agen perubahan" mempunyai peranan penting dalam membentuk keupayaan dan keperibadian kewarganegaraan yang dinamik dalam menghadapi cabaran dan tuntutan suatu masyarakat demokratik dan teknologikal. Peranan ini adalah tersurat dalam reformasi kurikulum pendidikan dan rancangan-rancangan lima tahun Malaysia.

Persoalannya, sejauh manakah reformasi kurikulum pendidikan kita dan rancangan-rancangan lima tahun Malaysia dapat menghadapi cabaran-cabaran akibat dari pembangunan negara yang pesat khasnya dalam membentuk keupayaan dan keperibadian kewarganegaraan yang baik? Dalam menjawab persoalan ini, maka satu tinjauan terhadap perkembangan pendidikan dari zaman kolonial sehingga kini akan menunjukkan perubahan-perubahan yang telah dibuat dalam pendidikan untuk menghadapi cabaran-cabaran yang dinyatakan di atas.

1.1.1 Cabaran Dan Perubahan Dalam Pendidikan Malaysia

Pada zaman kolonial, pembangunan ekonomi berdasarkan bijih timah dan getah telah menyebabkan kemasukan buruh-buruh Cina dan India. Buruh-buruh Cina diperlukan untuk mengerjakan lombong-lombong timah manakala buruh-buruh India pula untuk mengerjakan ladang-ladang getah. Kehadiran buruh-buruh ini telah mewujudkan satu masyarakat majmuk.

Era ini juga memperlihatkan kemunculan sistem persekolahan majmuk di mana wujudnya empat jenis sekolah iaitu sekolah Melayu, sekolah Inggeris, sekolah Cina dan sekolah Tamil. Ini disebabkan British mengamalkan dasar "*laissez-faire*" ke atas kaum pendatang di mana mereka dibiarkan membina sekolah-sekolah dengan hala tuju mereka sendiri. Manakala ke atas kaum Melayu, British mengamalkan dasar dualisme, yakni pembahagian mengikut golongan elit dan biasa. Dasar pendidikan Inggeris yang dilaksanakan ini dikatakan '*bersifat diskriminasi dan berunsurkan perpecahan kaum*' (Haris, 1990:19). Ini seiringan dengan matlamat British untuk mengekalkan kepentingan dan kuasanya di Tanah Melayu melalui dasar pecah dan perintah. Tambahan lagi, British bimbang jika pendidikan yang lebih diberikan kepada penduduk-penduduk tempatan, ia akan mengakibatkan pemberontakan masyarakat tempatan terhadap penjajah seperti yang berlaku di India.

Oleh yang demikian, dasar pendidikan British telah meregangkan perhubungan kaum-kaum dan mengenalkan budaya dan identiti etnik. Perkembangan pendidikan yang tidak sihat ini telah membeza-bezakan kaum dari aspek sebaran populasi bandar - luar bandar, pengenalan kaum mengikut pekerjaan, bahasa, agama, budaya dan orientasi politik dan ideologi.

Justeru itu, cabaran negara pada ketika mencapai kemerdekaan adalah untuk menyelesaikan masalah jurang perkauman yang diwujudkan oleh masyarakat dan yang telah diperkukuhkan dengan sistem pendidikan kolonial. Keadaan ini tidak boleh dibiarkan berterusan kerana ia akan mengancam kestabilan dan keselamatan negara. Oleh yang demikian, Jawatankuasa Razak telah ditubuhkan pada tahun 1955 untuk membentuk satu dasar pendidikan yang mencerminkan hasrat negara untuk persediaan untuk menghadapi kemerdekaannya. Laporan Razak (1955) menyatakan,

“Matlamat akhir dasar pelajaran negara mestilah untuk menyatukan kanak-kanak daripada semua bangsa di bawah satu dasar pelajaran kebangsaan dan bahasa kebangsaan sebagai bahasa penghantar utama, walaupun kami menganggap yang kemajuan ke arah matlamat ini tidak boleh dipercepatkan dan mesti beransur.”

Reformasi yang dilaksanakan pada masa negara di ambang kemerdekaan mempunyai tujuan-tujuan tertentu yang ada kaitan dengan pola pembinaan bangsa. Oleh itu, matlamat utama reformasi ini adalah untuk membina satu masyarakat Malaysia yang bersatupadu serta mempunyai identiti ke-Malaysiaan atau berjiwa Tanah Melayu. Setelah meninjau kelemahan dan masalah pendidikan yang dihadapi oleh negara, Jawatankuasa Razak telah mengusulkan dasar keseragaman iaitu dari aspek kurikulum, peperiksaan dan penggunaan bahasa untuk membentuk warganegara yang mempunyai identiti Malaysia dan dan bersatupadu .

Dasar pendidikan yang telah dikemukakan oleh Jawatankuasa Razak dikatakan memperlihatkan ciri-ciri kesejagatan, tolak-ansur, penyeragaman, perpaduan dan demokrasi dalam pendidikan. Oleh itu, ciri-ciri ini telah membawa semangat pembentukan sebuah negara yang aman sejahtera berasaskan perpaduan masyarakat melalui satu sistem pendidikan yang mempunyai unsur penyeragaman (Sufean, 1993) dan *“satu pandangan kebangsaan yang sama”*(Haris,1993).

Seterusnya, Jawatankuasa Rahman Talib telah ditubuhkan pada tahun 1960 untuk menyemak semula dasar pelajaran yang diperakukan dalam Laporan Razak. Ia telah menyatakan bahawa pelaksanaan dasar pendidikan yang diperakukan dalam Laporan Razak adalah bersesuaian dengan keperluan negara pada ketika itu. Di samping itu, Jawatankuasa ini telah mencadangkan dua perkara iaitu menaikkan had umur berhenti sekolah dari enam tahun kepada sembilan tahun dan pendidikan percuma pada peringkat sekolah rendah.

Implikasi pelaksanaan dasar ini telah memperlihatkan peningkatan kemasukan pelajar-pelajar di semua peringkat persekolahan. Perangkaan jumlah kemasukan pelajar-pelajar dari tahun 1960-1975 di Semenanjung telah menunjukkan peningkatan 11.86% untuk peringkat sekolah rendah, 48.3% untuk peringkat sekolah menengah rendah dan 86.8% untuk peringkat sekolah menengah atas (Marimuthu, 1981). Ini menggambarkan bahawa hasrat pendidikan untuk memanjangkan proses sosialisasi melalui pendidikan dan mengurangkan pembaziran pendidikan berjaya. Dalam erti kata lain, pendidikan telah mewujudkan peluang yang lebih banyak kepada golongan pelajar dari pelbagai etnik dan bangsa untuk berinteraksi dan memahami di antara satu sama lain.

Kurikulum beraneka jurusan juga diperkenalkan memandangkan keperluan tenaga kerja untuk membangunkan negara iaitu seiringan dengan Rancangan Malaysia Pertama (1966-1970). Sekolah-sekolah teknik dan vokesyenal telah dibina untuk menyediakan pelajar-pelajar dengan pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan di dunia pekerjaan. Di sini, pendidikan berperanan membentuk warganegara yang berkemampuan menyumbangkan tenaganya untuk pembangunan negara. Sebenarnya, pendidikan tidak dapat melarikan diri dari dipengaruhi oleh faktor-faktor politik, ekonomi dan sosial. Ibrahim (1988) menyatakan bahawa ,

“The challenges faced by the educational enterprise need to be understood in the perspective of change in the national policy and within the context of the professional milieu. Changes in Malaysians are brought about by external scientific-technological and economic influences, as much as these changes initiated by internal political, social and cultural forces.”

Ini menjelaskan kepentingan dasar-dasar negara dalam menentukan hala tujuan pendidikan. Misalnya, setelah peristiwa hitam 13 Mei 1969, Rukunegara telah digubal untuk dijadikan garis panduan dan “falsafah” hidup warganegara Malaysia. Lantaran itu, penerapan dan penghayatan Rukunegara telah dijadikan “kurikulum tersirat”(Sufean:1993) dalam pendidikan di mana ia menekankan budaya hidup masyarakat yang bersatupadu dan harmonis.

Seiringan dengan itu, Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang telah dilaksanakan dari tahun 1970 hingga 1990 mempunyai hasrat “serampang dua mata” iaitu untuk membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat. Oleh itu, pendidikan dapat memainkan peranan dalam memperbaiki kepincangan sosial serta mengurangkan jurang status sosioekonomi di antara kaum agar kesejahteraan masyarakat dapat dikekalkan.

Memandangkan kemajuan teknologi dan perubahan-perubahan yang telah berlaku menjelang tahun 1980an, Jawatankuasa Kabinet telah ditubuhkan untuk mengkaji semula Ordinan Pelajaran 1961 supaya pendidikan kita dapat menghadapi cabaran masa depan serta memenuhi hasrat negara ke arah pembangunan yang lebih pesat. Berdasarkan Laporan Kabinet, kurikulum lama sekolah rendah dan menengah adalah terlalu bersifat akademik, padat, terpisah, berorientasikan peperiksaan dan terlalu menekankan perkembangan kognitif. Di samping itu, aktiviti ko-kurikulum dijalankan terpisah dan kemerosotan disiplin makin bertambah. Oleh itu, reformasi pendidikan telah digerakkan ke arah untuk memperbaiki dan mempertingkatkan lagi mutu pendidikan (Wan Mohd. Zahid Mohd. Noordin, 1991).

Reformasi pendidikan yang diperkenalkan adalah melalui Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) yang berteraskan Falsafah Pendidikan Negara (FPN). KBSR telah diancarkan pada tahun 1982/83 dan KBSM diancarkan pada tahun 1988/1989 untuk menangani cabaran-cabaran masa depan. Paradigma pendidikan dapat dilihat dari visi yang dikemukakan dalam Falsafah Pendidikan Negara (FPN) yang dinukil pada tahun 1987. Usaha awal menyatakan falsafah ini secara tersurat telah bermula sejak Laporan Kabinet diterbitkan. Ia berbunyi,

“Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berkecakupan, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara.”

(KPM,1992)

Pernyataan hasrat FPN ini memperlihatkan satu pendekatan yang seimbang dari aspek tujuan, matlamat dan objektif pendidikan. Ini meliputi beberapa aspek iaitu aspek individu, sosial, ekonomi, politik, pemodenan dan kefahaman antarabangsa (KPM:1986). Melalui pendidik yang seimbang dan menyeluruh ini, negara berharap generasi baru yang dilahirkan merupakan satu golongan yang terpelajar, mempunyai ciri warganegara yang berdisiplin, bersikap positif, memahami alam sekitar dan budaya masyarakat. Di samping itu, generasi baru ini juga diharapkan akan menyumbangkan pengetahuan dan kemahiran mereka dalam memajukan negara serta mengikatkan persefahaman antarabangsa melalui pembinaan semangat persaudaraan sesama umat manusia sejagat.

Kesemua aspek-aspek ini harus dicapai melalui penumpuan yang telah digariskan dalam KBSM. Tumpuan-tumpuan tersebut adalah melalui a) penerapan nilai-nilai murni merentas kurikulum, bahasa merentas kurikulum dan kemahiran berfikir, b) pembinaan insan, c) perpaduan d) tenaga manusia, e) bahasa dan f) budaya ilmu. KBSM juga telah memberi penekanan kepada penerapan nilai. Sebanyak 16 nilai bersifat sarwajagat telah

dikemukakan untuk disepadukan dalam mata pelajaran di sekolah. Ini memperlihatkan keseimbangan dari aspek isi kandungan yang menitikberatkan bidang kognitif dan afektif.

Satu lagi tumpuan KBSM adalah strategi bersepadu di peringkat menengah. Ia bertujuan menghubungkan dan menggabungkan mata-mata pelajaran di sekolah agar sesuatu mata pelajaran itu tidak diajar secara terpisah. Unsur yang utama yang digunakan untuk mewujudkan kesepaduan adalah unsur nilai. Seterusnya, keseimbangan juga dapat dilihat dari aspek metodologi pengajaran-pembelajaran. Strategi-strategi yang disarankan adalah a) pengajaran-pembelajaran berpusatkan pelajar, b) penglibatan pelajar secara aktif dalam proses pembelajaran, c) peranan guru sebagai perancang, pengurus, pemudah cara, pembimbing, d) penerapan sikap cintakan ilmu, suka membaca dan konsep pendidikan seumur hidup dan e) mempelbagaikan aktiviti-aktiviti pembelajaran.

Dalam mencapai hasrat FPN melalui KBSM, 10 mata pelajaran teras telah ditetapkan di peringkat menengah rendah dan 7 mata pelajaran teras di peringkat menengah atas. Berikut adalah senarai mata pelajaran yang telah diwajibkan:

I. Peringkat menengah rendah	II. Peringkat Menengah Atas
Bahasa Malaysia Bahasa Inggeris Matematik Pendidikan Islam/ Moral Sains Sejarah Geografi Kemahiran Hidup Pendidikan Seni Pendidikan Jasmani dan Kesihatan	Bahasa Malaysia Bahasa Inggeris Matematik Sains Pendidikan Islam/ Moral Sejarah Pendidikan Jasmani dan Kesihatan

(Dalam senarai mata pelajaran teras, sejarah telah diberikan kepentingan terutamanya dalam mencapai objektif menerapkan nilai-nilai kewarganegaraan kepada pelajar-pelajar. Sejarah telah dipilih menjadi pendokong utama penerapan unsur perpaduan dan kewarganegaraan kerana kurikulum sejarah mempunyai peristiwa-peristiwa lalu yang dapat membina ingatan bersama terhadap sejarah bangsa dan perjuangan pemimpin-pemimpin serta membina satu pemahaman yang kukuh mengenai negara, sejarah pertumbuhannya dan rasional penggubalan perlembagaan dan dasar utama negara. Oleh itu, jika dibandingkan dengan mata pelajaran lain seperti Geografi, Bahasa, Sains, Agama dan Moral, pendidikan sejarah merupakan saluran yang lebih sesuai untuk menerapkan unsur perpaduan dan nilai kewarganegaraan.)

Pada satu ketika dahulu, iaitu pada tahun 1972 pendidikan siviks merupakan saluran utama untuk penerapan nilai-nilai kewarganegaraan selepas kejadian 13 Mei 1969. Namun demikian, pendidikan siviks tidak menunjukkan keberkesanannya sebagai satu kurikulum yang penting dalam proses pembinaan bangsa. Ini disebabkan mata pelajaran tersebut tidak diperiksa. Berikutan dari itu, guru dan pelajar memandang ringan terhadap kepentingan mata pelajaran tersebut. Di samping itu, satu kajian menilai buku-buku teks seperti Sejarah, Geografi, Siviks dan Bahasa oleh Mukherjee dan Ahmad (1984) telah mendapati imej dan nilai-nilai integrasi nasional tidak dicerminkan di dalam buku-buku tersebut. Penyelidik-penyelidik telah mendapati bahawa penulis-penulis buku-buku ini tidak sedar akan tanggungjawab mereka untuk menggambarkan secara tepat mengenai ciri-ciri masyarakat yang berbilang bangsa.

Seterusnya, mereka juga mendapati dari 83 orang guru yang ditemubual, hanya segelintir sahaja daripada guru-guru itu melihat diri mereka sebagai fasilitator untuk polisi sosial kebangsaan iaitu penerapan nilai kewarganegaraan yang dihasratkan oleh kerajaan.

Dari aspek organisasi kelas, ia masih memperlihatkan interaksi di antara etnik yang sama. Oleh itu, Ong (1991) telah menyatakan bahawa hasrat kerajaan untuk membina satu masyarakat yang bersatupadu tidak dicerminkan secara sistematik dalam aktiviti pengajaran-pembelajaran di sekolah yang meliputi di antara 9 hingga 13 tahun hidup pelajar-pelajar. Jelasnya, di antara pernyataan hasrat kerajaan untuk mengintegrasikan masyarakat dengan bukti-bukti amalan di bilik darjah adalah amat berbeza. Oleh itu, sekolah dikatakan telah menjadi kuasa pemisah daripada kuasa perpaduan di kalangan pelajar-pelajar (Ibid).

Persoalannya, adakah pendidikan sejarah yang dilaksanakan pada masa kini dapat mencapai matlamat-matlamat sebagaimana yang tersurat dalam Falsafah Pendidikan Negara? Keduanya, adakah pernyataan hasrat dan amalan di dalam bilik darjah juga memperlihatkan jurang perbezaan sepertimana yang berlaku pada tahun 1970an? Lantaran itu, kajian-kajian perlu diadakan untuk melihat kepada realiti bilik darjah sama ada pernyataan hasrat sebagaimana yang tersurat telah dilaksanakan.

1.1.2 Pengertian Sejarah

Pada umumnya, sejarah merupakan peristiwa-peristiwa masa lalu. Ia memperihalkan perkembangan peradaban manusia, tindakan-tindakan mereka serta kesan dan akibat sesuatu peristiwa itu. Charles Firth (1963) telah menyatakan bahawa ,

"history is the record of the life of societies of men, of the changes which those societies have gone through, of the ideas which have determined the action of the societies, and the material conditions which have helped or hindered their development."

(dalam Strong, 1963:36)

Oleh itu, sejarah melibatkan pengertian masa, unit sosial, kesan dan akibat serta nilai terhadap sesuatu rekod yang benar. Sebenarnya, pengertian sejarah bergantung kepada penggunaan fakta-fakta sejarah oleh ahli-ahli sejarawan. Di sini, penulisan mereka akan

dipengaruhi oleh pertimbangan dan ciri-ciri zaman mereka. Lantaran itu, Turberville (1963) dalam ucapannya kepada guru-guru telah memperingatkan mereka bahawa,

"history is not 'a body of ascertained truth' but a 'series of accepted judgements'. Such judgements vary as new social and political forces come into action and as new light is thrown on the records of the resulting changes."

(Ibid: 32)

Ini memperlihatkan sifat sejarah yang perlu melalui proses tafsiran dan pertimbangan. Justeru itu, pendidikan sejarah akan membuka peluang untuk membentuk satu generasi yang mempunyai 'minda sejarah' (*historical-minded*) di mana pelajar-pelajar didedahkan kepada kaedah penyelidikan yang seakan-akan merupai penyelidikan yang dibuat oleh ahli-ahli sejarahwan.

1.1.3 Kepentingan Pendidikan Sejarah

Secara universal, kepentingan pendidikan sejarah dalam pembangunan negara hari ini tidak boleh dipertikaikan lagi. Sebagai contoh, pendidikan sejarah telah diberi peranan penting dalam kurikulum kebangsaan England. Pendidikan kewarganegaraan telah dijadikan tema merentas kurikulum dalam Kurikulum Kebangsaan pada tahun 1990 (Lister, 1991). Di Amerika pula, Jawatankuasa Bradley yang ditugaskan untuk mengkaji pendidikan sejarah di sekolah-sekolah telah menegaskan supaya sejarah dikembalikan semula kedudukannya sebagai subjek penting dalam kurikulum pengajian sosial di sekolah-sekolah rendah dan menengah (Gagnon, 1989). Dewasa ini, pendidikan sejarah dimasukkan dalam kurikulum sekolah kerana pengajian masa silam dikatakan akan memberi pemahaman yang lebih mendalam mengenai keadaan semasa. Carpenter (1964:1) menyatakan bahawa ,

"the utilitarian motive which springs from the recognition that the structure of the present-day society and the issues that confront it have their origins in the past. The better our knowledge of these origins is, the better equipped we are, it is argued, to discharge the responsibilities to which we are committed as members of society."

Dance (1970) telah membuat satu kajian perbandingan mengenai kedudukan pengajaran sejarah di sekolah-sekolah menengah di Eropah dan telah juga memperakui kepentingan sejarah di sekolah-sekolah menengah. Oleh itu, kita perlu membincangkan kepentingan sejarah. Pertama, ia merupakan pengajaran fakta-fakta. Ini memperlihatkan sejarah sebagai satu disiplin di mana ia memperkayakan pelajar-pelajar dengan pengetahuan masa lampau dan kepentingannya adalah mengembangkan daya intelek seseorang individu untuk ke tahap pengajian yang lebih tinggi.

Kedua, sejarah merupakan pengajaran nilai-nilai iaitu penekanan domain afektif. Dewasa ini, keprihatinan telah diberikan kepada penerapan nilai-nilai politik, etika dan moral yang baik. Menurut Fines (1987), jika kita ingin mengajar kanak-kanak mengenai kemanusiaan, sifat manusia, bagaimana ia bekerja, masalah-masalah dan kemungkinan-kemungkinannya, maka pendidikan sejarah seharusnya mempunyai satu tumpuan terhadap moral. Melalui pendidikan sejarah, seseorang pelajar akan mengetahui tingkah laku manusia, contoh-contoh pelbagai jenis tingkah laku dan berpeluang merenung, membincangkan dan membuat pentafsiran terhadap tingkah laku yang telah dipelajari. Kepentingan pengajaran nilai-nilai ini adalah untuk membentuk perwatakan seseorang kanak-kanak agar dia dapat mengambil peranannya sebagai warganegara yang bertanggungjawab kelak (Strong, 1963) dan berkeupayaan membuat pertimbangan yang wajar. Ini bertepatan dengan masa dan keperluan negara untuk membentuk satu generasi yang berwibawa dan bermoral tinggi bagi menangani gejala-gejala sosial yang makin meningkat disebabkan pembangunan yang pesat.

Ketiga, sejarah merupakan pengajaran kebudayaan (Dance, 1970) dan warisan (Chaffer dan Taylor, 1975; Strong, 1963). Melaluinya, seseorang individu dapat mengenali keperibadian kebangsaan yang menjadi asas kepada kewarganegaraan yang sihat (Zainal, 1978). Di sini, pelajar-pelajar dapat menghayati sejarah tempatan serta mengenal dan

memahami segala kejayaan dan kegagalan negara, mempelajari peranan tokoh-tokoh dan sumbang mereka. Lanjutan dari itu, sejarah diandaikan dapat menerapkan nilai-nilai patriotisme seperti kesetiaan negara, cintakan tanah air dan menjadi warganegara yang bertanggungjawab. Di samping itu, ia memberi latihan terhadap penghayatan ciri-ciri demokrasi.

Keempat, sejarah merupakan latihan untuk memahami masa silam dan pelbagai masyarakat dengan masalah-masalah berlainan serta penyelesaiannya. Di sini, pelajar-pelajar dapat menghargai setiap peristiwa silam itu sebagai unik dan membina toleransi terhadap perbezaan seperti kelainan etnik, kebudayaan dan idea sesuatu masyarakat itu untuk hidup dalam keadaan harmonis. Tambahan lagi, ia juga merupakan satu latihan 'empati'. Ashby dan Lee (1987) telah menyatakan perasaan 'empati' melibatkan pemahaman tingkah laku manusia di zaman silam, di mana pelajar-pelajar tersebut cuba mengerti institusi dan tingkah laku yang asing daripada pengalamannya. Ini memerlukan pelajar-pelajar memahami dan menerangkan apa yang dibuat oleh manusia masa lalu. Lantaran itu, latihan-latihan ini akan dapat memperlengkapkan pelajar-pelajar untuk menghadapi masa depan yang mencabar.

Kelima, sejarah sebagai saluran mengembangkan pemikiran kritis pelajar-pelajar. Ini melibatkan latihan membuat tafsiran dan pertimbangan mengenai fakta dan butiran sejarah (Connell-Smith dan Lloyd,1972; Chaffer dan Taylor,1975). Melalui pendidikan sejarah, pelajar-pelajar dapat mengembangkan pemikiran secara *convergent* dan *divergent*. Menurut Connell-Smith dan Lloyd (1972) , pemikiran secara *convergent* bermakna seseorang pelajar itu dapat mengasimilasi dan mengaplikasi maklumat yang boleh didapatinya. Sayugia, dengan penggunaan teknik penyelidikan yang betul, pelajar tersebut juga dapat menambah kepada maklumat yang sedia ada. Sebaliknya, pemikiran *divergent* adalah bersifat kreatif dan

boleh mencipta (*inventive*). Pelajar-pelajar akan menggunakan persoalan-persoalan untuk memperoleh beberapa penyelesaian spekulatif secara intuitif.

Dengan kata lain, pendidikan sejarah melatih pelajar-pelajar kemahiran dan tabiat berfikir sebagai seorang sejarawan. Ia melatih pelajar-pelajar menganalisis bukti-bukti yang diberikan dengan teliti, mengesan kecenderungan (*biasness*) yang wujud, membezakan fakta dengan pendapat serta kekurangan yang mungkin hadir dalam bukti-bukti yang telah diberikan. Dalam pada itu, seseorang pelajar akan dapat menajamkan lagi kemahiran membuat pertimbangannya terhadap tindakan manusia pada masa silam. Justeru itu, kemahiran membuat pentafsiran dan pertimbangan sesuatu peristiwa lalu akan memberi peluang yang banyak kepada pelajar-pelajar melatih imaginasi mereka.

Secara tidak langsung, pendidikan sejarah melatih pelajar-pelajar menjadi lebih yakin terhadap dirinya sendiri serta pertimbangan yang dibuatnya melalui penyelidikan dan pembacaan. Ini akan melihat peranan pelajar-pelajar yang lebih aktif dalam perbincangan. Oleh yang demikian, pelajar-pelajar juga akan belajar menyusun, mensintesis dan membentangkan jumpaan mereka mengenai satu tajuk sejarah. Dalam proses tersebut, pelajar-pelajar akan berkemungkinan besar meningkatkan tahap linguistik dan penulisan mereka.

Setelah menatap kepentingan sejarah dari berbagai aspek, kita tidak dapat menafikan lagi potensi pendidikan sejarah sebagai '*medium pendidikan dan pengajaran*' (Connell-Smith dan Lyold, 1972). Aspek-aspek yang diajar berpotensi melahirkan satu generasi cendiakiawan yang menggerakkan masyarakatnya menuju kejayaan tanpa mengorbankan nilai, norma dan budaya masyarakat yang mudah ditelan oleh arus pemodenan dalam mengecapi kekayaan kebendaan. Oleh itu, kedudukan pendidikan sejarah sebagai mata pelajaran wajib kepada

semua pelajar akan membawa keuntungan kepada masyarakat jika pelaksanaannya dibuat dengan bersungguh-sungguh.

1.1.4 Perkembangan Pendidikan Sejarah Di Malaysia

Sejak pemerintahan British, kesedaran terhadap kepentingan pendidikan sejarah memang wujud. Pendidikan sejarah dipandang sebagai satu alat yang “berbahaya” kerana ia mungkin akan menimbulkan kesedaran kebangsaan di kalangan rakyat. Oleh itu, pihak penjajah sentiasa berhati-hati dalam melaksanakan pendidikan untuk masyarakat tempatan. Dalam era pemerintahan British, pendidikan sejarah yang diperkenalkan kepada masyarakat tempatan adalah berorientasikan sejarah England dan empayarnya dan sejarah dunia. Ini memperlihatkan sejarah dari konteks orang Eropah. Di sini, pihak penjajah ingin mencerminkan kepada masyarakat tempatan kekuasaan dan keagungan bangsanya.

Di Malaysia, pendidikan sejarah telah diperkenalkan pada tahun 1918 (Khoo,1992). Ketika itu, mata pelajaran Tawarikh telah ditawarkan di sekolah-sekolah dan pada tahun 1927, Sejarah Melayu telah digunakan sebagai teks sejarah untuk darjah lima (Siti,1990). Di sekolah-sekolah Cina, mereka dibiarkan mempelajari sejarah negara China dan di sekolah-sekolah Tamil, mereka dibenarkan mengikuti kurikulum yang berorientasikan negeri India. Dalam konteks pendidikan kolonial, ia dapat menghalang wujudnya identiti kumpulan yang boleh menggugat kedudukannya di Tanah Melayu. Jelasnya, British ingin mengekalkan penjajahannya melalui pemerintahan pecah dan perintah.

Berdasarkan kajian mengenai perkembangan pengajaran sejarah di sekolah-sekolah di Semenanjung Malaysia dari tahun 1905 hingga 1978 oleh Santhiram(1978), sukatan pelajaran sejarah dari tahun 1937 hingga 1959 tidak bermakna kepada masyarakat tempatan

kerana personaliti dan peristiwa-peristiwa yang dipelajari tidak relevan serta tidak menyumbang terhadap pembentukan satu identiti kebangsaan. Ini disebabkan sukatananya adalah berfokuskan Eropah. Seterusnya, dengan kemerdekaan, pendidikan adalah ke arah mewujudkan perpaduan dan identiti kebangsaan. Oleh itu, pendidikan sejarah telah diberi peranan di peringkat rendah dan menengah untuk menerapkan nilai-nilai kewarganegaraan dan patriotisme agar dapat mewujudkan satu masyarakat yang bersatupadu dan harmonis. Di antara tahun 1959 hingga 1966, sukatan sejarah adalah luas dan berdasarkan perkembangan sejarah dari aspek politik. Kandungan sejarah Malaysia berkurangan terutamanya dari aspek ekonomi, sosial dan kebudayaan. Implikasinya, pendidikan sejarah tidak berkemampuan pada ketika itu untuk mengintegrasikan masyarakat yang pelbagai keturunan dan latar belakang.

Ekoran dari peristiwa tahun 1969, maka satu penyemakan semula sukatan pelajaran sejarah telah dibuat pada tahun 1973. Di antara peristiwa yang telah menyebabkan penyemakan semula sukatan sejarah adalah penggubalan Rukunegara, persidangan Kongres Kebudayaan Malaysia dalam bulan Ogos 1971 dan Seminar Sejarah Malaysia I dan II pada tahun 1973 dan 1974, anjuran Persatuan Sejarah UKM (KPM, 1978). Dalam persidangan Kongres Kebudayaan Melayu, usaha untuk memupuk keperibadian Kebangsaan Malaysia telah dipamerkan dalam perbincangan mereka mengenai "Penyelidikan Penulisan dan Pengajaran Sejarah Tanah Air". Seterusnya, usaha mengukuhkan pendidikan sejarah telah disusuli dengan Seminar Sejarah Malaysia (1973-74) di mana perbincangan mengenai rangka kurikulum sejarah di sekolah, bahan-bahan sejarah dan pengumpulan dan penulisan buku teks Sejarah telah diadakan. Rumusan seminar ini juga telah banyak memberi pedoman ke arah penggubalan satu sukatan pelajaran baru

Berikutan dari penyemakan sukatan pelajaran sejarah itu, 6 matlamat yang bersesuaian dengan Rukunegara dan objektif pendidikan negara telah dikemukakan. Ia adalah seperti berikut:

- a. mengenali keperibadian kebangsaan melalui sejarah tanah air
- b. mewujudkan perasaan kekitaan terhadap masyarakat dan negara sebagai satu unit tunggal
- c. mengwujudkan ingatan bersama tentang sejarah sebagai rangka rujukan kesedaran kebangsaan di kalangan rakyat Malaysia.
- d. memupuk persefahaman antarabangsa
- e. membangkitkan minat terhadap sejarah
- f. mencetus dan mengembangkan pemikiran yang kritis.

Tindakan ini telah 'merevolusikan' pendidikan sejarah. Berbanding dengan era sebelum tahun 1978, kurikulum baru sejarah telah mengubah penekanannya dari domain kognitif ke domain afektif iaitu pembentukan sikap, perasaan dan penghargaan seperti yang tertera pada matlamat pendidikan sejarah di peringkat sekolah menengah rendah di atas. Pembaharuan ini memperlihatkan kesedaran pemerintah untuk mengimbangi pembangunan negara dari '*aspek jasmani dan rohani*' (Zainal, 1978).

Sukatan pelajaran sejarah tahun 1978 juga telah menggambarkan peristiwa-peristiwa tempatan dari kaca mata Malaysia dan telah mengikis pengaruh Inggeris yang sebelum ini begitu ketara sekali. Perubahan perspektif iaitu penekanan kepada sejarah tempatan adalah lebih bersesuaian dan relevan dengan keperluan masyarakat dan negara. Lantaran itu, skop sukatan telah disempitkan kepada bidang-bidang sosial, ekonomi dan kebudayaan sejarah tempatan dan sejarah luar yang hanya mempunyai pertalian dengan perkembangan sejarah tempatan. Penegasan ini bertujuan memperkayakan pengetahuan pelajar terhadap sejarah tempatan dan melahirkan perasaan cintakan negara.

Nafas yang baru juga telah diberikan kepada proses pengajaran-pembelajaran sejarah. Pendekatan 'lingkungan berpusat' berdasarkan perkembangan urutan tajuk yang lebih diketahui kepada yang kurang diketahui dan yang dekat kepada yang jauh telah dilaksanakan (KPM,1978). Strategi ini bersesuaian dengan perkembangan kognitif kanak-kanak. Pada umumnya, sejarah memerlukan kanak-kanak memahami pengertian masa dan konsep. Oleh itu pendekatan lingkungan berpusat dapat membantu kanak-kanak memahami pengertian masa dan konsep dengan lebih baik serta kesinambungan di antara zaman silam dengan masa kini. Di samping itu, pendekatan episodik iaitu mengambil satu-satu peringkat secara keseluruhan, tidak dikongkong oleh kiraan masa (kronologis) juga dilaksanakan untuk '*menghidupkan*' pengajaran sejarah. Ia meneroka peristiwa-peristiwa sejarah mengikut tema-tema tersendiri berdasarkan objektif-objektif khusus bagi tiap-taip peringkat.

✓ Melalui sukatan pelajaran 1978, pihak pembina kurikulum dan kerajaan berharap ia dapat melahirkan kanak-kanak yang faham dan sedar bahawa keadaan yang wujud pada hari ini adalah hasil dan akibat rantaian peristiwa-peristiwa sejarah masa lampau serta ia dapat melahirkan satu generasi yang cintakan negara, rasa bertanggungjawab dan sedia berkorban untuk nusa, bangsa dan negara (Asiah,1979).

✓ Seterusnya, pendidikan negara terus berkembang sehingga dasar baru pendidikan yang lebih dinamis telah diperkenalkan berdasarkan Laporan Kabinet yang dibuat pada tahun 1979. Berikutan dapatan jawatankuasa ini, satu reformasi pendidikan telah digerakkan ke arah melahirkan satu generasi yang lebih berkaliber untuk membawa negara ke tunggak kemakmuran politik dan ekonomi. Ini telah diperhebatkan lagi di ambang tahun 1991, dengan cetusan Wawasan 2020 oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahatir untuk menjadikan Malaysia sebuah negara perindustriaan di mana konsep bangsa Malaysia ditegaskan.

Memandangkan kepesatan perubahan yang berlaku sejak tahun 1980an, maka satu bentuk pendidikan yang menuju ke arah wawasan yang sama perlu diwujudkan. Lantaran itu, satu perubahan dari aspek kurikulum dan proses pengajaran-pembelajaran telah dilaksanakan melalui Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) yang berlandaskan Falsafah Pendidikan Negara (FPN). Pendidikan Sejarah juga telah diberi kedudukan yang penting dalam mencapai hasrat melahirkan warganegara yang baik dan cemerlang.

Strategi yang telah ditentukan untuk merealisasikan reformasi ini dalam pendidikan sejarah adalah:

- a) Kesepaduan pengetahuan, nilai dan kemahiran.
- b) Pemahaman idea dan konsep sejarah.
- c) Pemupukan nilai, sikap dan semangat patriotik.
- d) Peningkatan kemahiran belajar dan berfikir.
- e) Penggunaan pelbagai strategi pengajaran dan pembelajaran.

(KPM, 1995: viii- ix)

Tegasnya, perubahan pendidikan sejarah yang bermula pada lewat tahun 1980an menitikberatkan kepada latihan bagaimana hendak menggunakan ilmu pengetahuan, menubuhkan konsep yang mendalam dan memberikan cara bagaimana konsep itu boleh digunakan untuk mendapatkan fahaman yang lebih mendalam mengenai zaman silam dan perkaitannya dengan dunia kini. Seterusnya, proses pendidikan ini diharapkan dapat memperlengkapkan pelajar untuk mengambil peranannya sebagai warganegara yang mempunyai peribadi Malaysia, bangsa Malaysia dan cita-cita Malaysia.

Untuk mencapai matlamat pendidikan sejarah ini, penekanan telah diberikan terhadap pendekatan pengajaran-pembelajaran yang berpusatkan kepada pelajar di mana pelajar-pelajar didedahkan dengan pelbagai kemahiran. Di antara kemahiran yang dipentingkan dalam

pendidikan sejarah adalah memperkembangkan potensi pemikiran kritis pelajar-pelajar. Ini adalah untuk menggalakkan pembelajaran yang aktif dari pelajar-pelajar di samping menggalakkan sifat inkuiri pada pelajar-pelajar untuk menimba ilmu sepanjang hayat mereka.

Seiringan dengan perubahan pedagogi pendidikan sejarah, bentuk penilaian telah dipertingkatkan lagi untuk mencapai objektif-objektif baru. Pada tahun 1993 Peperiksaan Peringkat Menengah Rendah (PMR) telah menggantikan Sijil Rendah Pelajaran (SRP). Peperiksaan PMR ini memperuntukkan 70% markah kepada soalan-soalan peperiksaan dan 30% untuk Projek Kajian Sejarah Tempatan yang diperiksa oleh guru sejarah pelajar mengikut skema markah yang ditentukan oleh pihak Lembaga Peperiksaan. Cara pemeriksaan ini bertujuan mengurangkan penekanan peperiksaan dan melatih pelajar-pelajar untuk mengembangkan kemahiran-kemahiran seperti mengumpul data, mensintesis maklumat-maklumat yang telah dikumpulkan, menulis laporan serta membentangkan idea-idea dengan teratur dan bernas melalui Projek Kajian Sejarah Tempatan. Oleh itu, proses penilaian sedemikian adalah bersesuaian dengan matlamat yang telah ditentukan dalam pendidikan sejarah.

Secara amnya, perubahan yang dilakukan di antara tahun 1978 dan 1989 dengan pelaksanaan KBSM adalah tidak mendadak. Dari aspek isi kandungannya, ia tidak banyak berubah. Perbezaan yang ketara sekali adalah penekanan pedagogi iaitu penggunaan pelbagai kaedah pengajaran oleh guru khasnya untuk mempertingkatkan pemikiran kritis dan sifat inkuiri pelajar-pelajar. Dari aspek penilaian, peperiksaan sejarah juga tidak melihatkan satu perubahan yang besar. Hasilnya, perubahan hanya merupakan "*a facade of change*" di mana pada hakikatnya, perubahan tidak banyak mempengaruhi gaya pengajaran guru-guru di kelas.

1.1.5 Peranan Pendidikan Sejarah Di Dalam Rancangan Pendidikan Negara

170

Dalam konteks Malaysia, pendidikan sejarah merupakan satu alat untuk memasyarakatkan generasi baru. Oleh itu, pernyataan matlamat pendidikan sejarah mencerminkan hasrat negara. Matlamat pertama adalah menerapkan perpaduan di kalangan masyarakat yang berbilang bangsa. Di sini, pendidikan sejarah diharapkan memberi pengetahuan serta kesedaran melalui peristiwa-peristiwa sejarah tempatan akan pentingnya perasaan libatan dan keikatan kepada bangsa dan negara. Nilai-nilai seperti sifat toleransi, hormat-menghormati serta kefahaman di antara kaum-kaum akan mengukuhkan perpaduan negara.

Sehubungan dengan matlamat ini, peranan pendidikan sejarah penting sebagai "*alat untuk mencari akar umbi keperibadian*" dan melahirkan semangat patriotik di kalangan pelajar-pelajar kita agar mereka dapat mengambil peranan sebagai warganegara yang bertanggungjawab membangunkan negara kelak serta membela nusa dan bangsa sekiranya negara diancam oleh anasir-anasir yang buruk.

Seterusnya, dalam mempelajari sejarah, seseorang pelajar diharapkan dapat memperkembangkan dirinya serta memperkayakan pengetahuannya apabila dia dapat memberi makna dan pengertian kepada berbagai keadaan dan perhubungan yang terdapat dalam penghidupan sehariannya. Ini seiringan dengan hasrat kerajaan untuk memperlengkapkan pelajar-pelajar untuk cabaran masa depan .

Dalam menuju ke arah membina sebuah negara yang maju, pendidikan sejarah juga memainkan peranannya sebagai membentuk satu generasi yang berfikiran kritis dan boleh membuat pertimbangan yang sewajarnya. Melalui latihan pembacaan, perbincangan, penyelidikan dan pembentangan tajuk sejarah, seseorang pelajar akan diberi peluang

mengasah kemahiran berfikir, memberi hujah yang bernas serta memberi penjelasan kepada pendiriannya terhadap suatu isu atau peristiwa sejarah. Kesemua latihan ini akan membentuk warganegara yang berfikiran matang dan rasional yang diperlukan untuk pembinaan negara yang stabil dan harmonis.

Di samping itu, pendidikan sejarah dilihat sebagai "*satu tunggak pengajaran moral, teladan serta iktibar*" (Omar, 1992). Dengan mempelajari baik dan buruknya tindakan tokoh-tokoh sejarah maka pelajar-pelajar dapat menjadikan pengajaran yang didapati daripada peristiwa-peristiwa sejarah itu sebagai satu ukuran dan nilai. Tegasnya, pendidikan sejarah mempunyai peranan yang penting dalam pembangunan negara.

1.1.6 Kedudukan Pendidikan Sejarah Dalam Kurikulum Sekolah

Dewasa ini, kedudukan sejarah sebagai satu mata pelajaran yang penting tidak dapat dipertikaikan lagi. Ia merupakan pendukung utama pendidikan kewarganegaraan yang diharapkan dapat melahirkan satu generasi yang bangga dengan keperibadian Malaysia melalui pemahaman dan kesedaran terhadap akar umbi dan proses perkembangan masyarakat negara.

Di peringkat sekolah rendah, Sejarah telah diperkenalkan kepada pelajar-pelajar dalam program Alam dan Manusia di mana unsur geografi, sains, sejarah, sivik, kesihatan dan pengetahuan lain mengenai manusia dan alam sekitarnya disepadukan. Di peringkat menengah pula, sejarah telah dijadikan mata pelajaran wajib dari tingkatan 1 hingga tingkatan 5. Kepentingan sejarah sebagai mata pelajaran wajib dapat dilihat apabila pelaksanaan KBSM telah mewajibkan pendidikan Sejarah di peringkat menengah atas.

Sebelum ini, ia hanya merupakan mata pelajaran elektif yang biasanya diambil oleh segolongan besar pelajar-pelajar aliran sastera dan segelintir kecil pelajar-pelajar aliran sains.

Kedudukan sejarah yang kukuh dalam kurikulum sekolah adalah disebabkan kesedaran pihak pemerintah akan potensi mata pelajaran ini untuk mengembangkan kuasa minda, menerapkan nilai-nilai dan memberi kemahiran. Oleh yang demikian, dari aspek matlamat dan objektif sejarah yang telah disuratkan, kepentingan sejarah sebagai mata pelajaran wajib tidak boleh dinafikan. Persoalannya, sejauh manakah tanggapan ini dikongsi oleh masyarakat, guru dan pelajar?

1.1.7 Di Antara Hasrat Dan Realiti

Pada tahun 1988 keberkesanan mata pelajaran Alam dan Manusia dalam program KBSR telah dikaji oleh Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan, USM (dalam Wan Mohd Zahid, 1992). Hasil dapatan kajian ini telah memperlihatkan pencapaian bidang sejarah pada tahap yang paling rendah berbanding dengan bidang sains, kesihatan, geografi dan tata-rakyat. Secara statistik, sejarah hanya memperolehi 36.5 peratus pelajar sahaja yang mencapai paras penguasaan 50 peratus. Ini bermakna sejarah telah mencatatkan kurang daripada 50 peratus pelajar yang mencapai paras penguasaan 50 peratus ke atas (Ibid). Keadaan ini seharusnya meriakkan kebimbangan kerana pencapaian yang lemah dalam bidang sejarah memperlihatkan matlamat dan objektif yang tersurat berkemungkinan besar tidak dapat tercapai.

Pada hari ini, proses pendidikan di negara kita memperlihatkan ke arah menghasilkan satu generasi yang mementingkan pensijilan iaitu pencapaian dalam peperiksaan umum seperti UPSR, PMR, SPM dan STPM. Oleh itu, realiti bilik darjah dan pelajar adalah untuk

memperolehi pengetahuan yang dapat meningkatkan pencapaian mereka dalam peperiksaan dan kelak membantu mereka dalam mendapat pekerjaan yang baik. Secara tidak langsung, ini mempengaruhi gaya pembelajaran pelajar-pelajar. Mereka lebih mementingkan pengetahuan sekolah (*school knowledge*) iaitu pelajaran yang akan diuji dan bukannya terhadap pencarian ilmu atau nilai-nilai yang hendak diterapkan melalui pelajaran tersebut. Sehubungan dengan itu, McNeil (1988) telah mengkaji bagaimana guru menggunakan kurikulum untuk mempengaruhi sikap pelajar terhadap kerja sekolah. Beliau mendapati sikap pelajar terhadap kerja sekolah adalah berdasarkan pengalaman mereka bahawa apa yang dipentingkan adalah hasil. Sebarang aktiviti yang tidak berkaitan dengan matlamat akhir tidak akan mendorong mereka meneroka bentuk pengetahuan yang lain atau mengetahui isu-isu dunia yang sebenarnya berlaku disekelilingnya. Mengikut beliau lagi, pelajar menganggap diri mereka sebagai '*pekerja*' di dalam sekolah dan pembelajaran mengambil tempat kedua selepas menyelesaikan tugas sekolah. Ini menunjukkan bahawa terdapatnya satu konflik kepentingan pendidikan.

Justeru itu, pembelajaran Sejarah juga memperlihatkan tumpuan kepada pemerolehan fakta daripada perkembangan minda. Memandangkan sejarah merupakan satu mata pelajaran yang agak sukar dari aspek pemahaman konsep, masa dan perkaitan peristiwa-peristiwa silam, maka ramai di antara pelajar-pelajar menghafal fakta-fakta dan jawapan-jawapan yang disediakan oleh buku-buku ulangkaji. Secara langsung, ini akan memamatkan minat, motivasi dan kreativiti pelajar-pelajar. Menurut Khoo (1991), penentuan jawapan untuk setiap soalan akan melahirkan satu masyarakat yang naif dan meletakkan mata pelajaran Sejarah sebagai mata pelajaran yang remeh-temeh. Tambah beliau lagi, pada hakikatnya Sejarah sudah dianggap mata pelajaran kelas kedua kerana ia tidak mempunyai ganjaran komersial. Fenomena-fenomena ini memperlihatkan adanya jurang di antara hasrat dan realiti.